



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Salah guna logo MPS | 30 |
| - Tutup operasi pusat sembelih | 19 |
| - Jangan tangguh projek pelebaran jalan | 18 |
| - MPS sahkan pusat sembelihan ayam miliki lesen operasi sejak 2019 | 19 |
| - Tukar sampah jadi duit | 30 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Salah Guna Logo MPS
Muka Surat	30

Salah guna logo MPS

*PBT itu tidak pernah
lulus bazar
larut malam
di kawasan DBP*

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
5/11/2019 (ms 30)
SELAYANG

Majlis Perbandaran Selangor (MPS) tidak pernah mengeluarkan sebarang kelulusan bagi pelaksanaan bazar larut malam di kawasan Perindustrian Dolomite Business Park (DBP) seperti dihebahkan melalui pemasangan gegantung dan media sosial Facebook.

Pengarah Jabatan Korporat MPS, Mohamad Zin Masoad berkata, pihaknya juga tidak pernah memberi kebenaran kepada pihak terbabit berhubung penggunaan logo dan gegantung dan Facebook bagi tujuan hebahan.

"MPS amat serius dalam isu penyalahgunaan logo MPS yang



Laporan *Sinar Harian Online* berkenaan bantahan DBP berhubung pelaksanaan bazar larut malam di kawasan terbabit.

membabitkan imej dan nama baik MPS," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohamad Zin berkata, MPS sedang dalam proses menyemak

semula permohonan selepas melihat faktor-faktor tidak sesuai lokasi bazar terbabit.

"Hal ini berikutan daripada aduan diterima MPS daripada pengusaha DBP.

"MPS juga dimaklumkan wakil pengusaha bazar terbabit bahawa tiada sebarang operasi dijalankan sehingga kelulusan diberikan MPS," katanya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan pengusaha DBP sebulat suara menggesa MPS membatalkan kelulusan pelaksanaan bazar larut malam di kawasan terbabit.

Wakil pengusahanya, Teh Kian Chong berkata, pemilik dan pengusaha DBP hairan bagaimana MPS boleh memberi kelulusan kedua sedangkan permohonan terbabit ditolak pada 15 Ogos lalu.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Tutup operasi pusat sembelih
Muka Surat	19

Tutup operasi pusat sembelih

**Percepat
laksana pusat
penyembelihan ayam
halal lebih sistematik,
mesra alam**

SH 4/11/2019 (Ms19)

SELAYANG

Penduduk Pangsapuri Taman Selayang Makmur mendesak Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menutup operasi sebuah pusat penyembelihan ayam secara haram yang terletak di belakang taman perumahan itu yang wujud sejak lebih 20 tahun lalu.

Pengerusi Persatuan Penduduk Pangsapuri Taman Selayang Makmur, Roger Arvind, 46, berkata, pusat penyembelihan ayam secara haram itu tidak menyediakan instalasi pengolahan air limbah atau *wastewater treatment plant* menyebabkan air bertakung dan berbau busuk.

Arvind turut mendakwa, kira-kira 80,000 ekor ayam disembelih secara haram dan tidak mematuhi piawaian halal di sekitar Pasar Borong Harian Selayang.

"Tempat sembelih ayam itu tidak konsisten, tidak terurus malah sisa-sisa ayam berterabur sehingga mengundang tikus dan

lalat-lalat. Sebelum ini sudah banyak kali surat bantahan dikemukakan kepada MPS. Apabila serbuan dilakukan, mereka hanya tutup operasi selama dua minggu sebelum beroperasi semula.

"Kali ini kita mahukan pusat penyembelihan haram itu ditutup sepenuhnya di samping menyokong pelaksanaan segera projek pembinaan pusat penyembelihan ayam bersepadu di tapak yang diluluskan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) seluas 1.2 hektar," katanya kepada *Sinar Harian* di sini.



ROGER ARVIND

Beliau berkata, kewujudan pusat sembelihan ayam bersepadu itu bukan sahaja dapat memberikan kemudahan kepada aktiviti sembelih ayam tetapi juga dapat dikawal daripada segi kebersihan kerana sistem loji rawatan air moden dan sisa buangan pepejal turut disediakan.

Pusat penyembelihan itu juga bakal menyediakan 800 lot untuk pembekal dan peniaga ayam serta lebih 1,000 petak letak kereta untuk pelanggan Pasar Borong Harian Selayang.

Sementara itu, Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia (G3PM) turut menyokong projek pembinaan pusat penyembelihan ayam halal ber-



Kewujudan lebih lapan premis operasi pusat penyembelihan ayam di sekitar Pasar Harian Selayang memberi kesan negatif dari aspek kebersihan dan kesesakan lalu lintas.

sepadu di Pasar Borong Harian Selayang kerana bersesuaian dengan kehendak semasa peniaga dan pelanggan di sekitarnya.

Presidennya, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata projek itu bakal memberi impak positif kepada warga kota dengan kapasiti pembekalan 80,000 hingga 120,000 ekor ayam bersih dan halal kepada pengguna setiap hari.

"Selain itu, setiap pemprosesan dan penyembelihan ayam bakal dipantau oleh Jakim (Jabatan Agama Islam Malaysia), Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Kementerian Kesihatan Malaysia



Keadaan sebuah pusat penyembelihan ayam yang didakwa beroperasi secara haram mengugurkan penduduk Rumah Pangsa Taman Selayang Makmur.

menerusi pusat itu.

"Projek itu merupakan keputusan komprehensif kepada peniaga ayam menyediakan stok

jualan mereka mengikut piawaian tinggi, bersih dan halal serta patuh syarak halal-halal-toyyiban buat pengguna," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Jangan tangguh projek pelebaran jalan
Muka Surat	18

LAPORAN: KHAIBIL ANWAR MOHD AMIN dan NORAFIZA JAAPAR FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

Jangan tangguh projek pelebaran jalan

Pasar Harian Selayang sememangnya menjadi tumpuan lebih 50,000 pengunjung setiap hari untuk membeli-belah dan mendapatkan keperluan barang-basah.

Dua projek impak tinggi itu perlu disiapkan bagi selesai pelbagai isu
SH 04/11/2019 (Msb/B)
SELAYANG

Projek pelebaran Jalan Selayang Baru daripada dua laluan kepada empat laluan perlu dilaksanakan seiring dengan pembinaan Pasar Harian Selayang dan pusat penyembelihan ayam halal yang sedang giat berjalan.

Timbalan Pengerusi Persatuan Peniaga Melayu Pasar Harian Selayang, Mohd Rasheed Sultan Afshur, 58, berkata, sepatutnya masalah kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut diselesaikan terlebih dahulu sebelum peniaga dipindahkan ke Pasar Harian Selayang.

Beliau mengakui bimbang sekiranya masalah kesesakan lalu lintas tidak ditangani secara menyeluruh, keadaan menjadi lebih teruk sekiranya Pasar Harian Selayang dibuka dan pusat penyembelihan ayam halal beroperasi kelak.

Menurutnya, berdasarkan perancangan Kementerian Wilayah Persekutuan, pelaksanaan projek penyembelihan ayam halal dan pembinaan bangunan Pasar Harian Selayang baharu perlu dilaksanakan bersekali dengan projek pelebaran Jalan Selayang Baru.

"Sekarang bila projek pasar siap hampir 60 peratus, projek pelebaran jalan masih tidak dijalankan kerana ada premis perniagaan yang menceroboh rizab jalan, manakala projek penyembelihan ayam halal berdepan tindakan sabotaj pihak tertentu."

"Kami turut hairan adakah pihak tertentu begitu 'kebal' sehingga tiada tindakan diambil terhadap mereka meskipun secara terang-terangan cuba menghalang kelancaran projek kepentingan awam?"

"Justeru, persatuan mendesak kerajaan jangan tangguhkan pelaksanaan dua projek penting bersekali dengan pembinaan pasar harian baharu hanya disebabkan sabotaj pihak terbabit," katanya kepada *Sinar Harian* di pekarangan Pasar Harian Selayang di sini.

Premis 'kebal' ceroboh tanah

Laporan *Sinar Harian* semalam.

Utamakan kepentingan awam

Mohd Rasheed berkata, pelaksanaan tiga projek itu sebenarnya penting bagi memudahkan pengguna mendapatkan produk ayam halal di samping aksesibiliti ke pasar borong menjadi semakin mudah.

Katanya, peniaga Pasar Harian Selayang asal yang kini berniaga di tapak sementara turut dibimbangi masuk ke bangunan pasar baharu untuk berniaga sekiranya projek pelebaran Jalan Selayang Baru tidak disiapkan mengikut jadual.

"Keadaan itu pastinya memberi kesulitan kepada peniaga-peniaga yang kembali berpindah ke dalam bangunan pasar baharu itu nanti kerana aktiviti perniagaan mereka dibayangi aktiviti perniagaan di luar premis Pasar Harian Selayang baharu."

"Sudah tiba masanya semua pihak memikirkan keutamaan projek berkepentingan awam berbanding kepentingan peribadi segelintir pihak," katanya.

Mohd Rasheed turut menuntut lebih banyak lot niaga diberikan kepada ahli persatuan itu yang terdiri lebih 500 orang di bangunan Pasar Harian Selayang baharu kelak.

Katanya, pelaksanaan projek bernilai RM80 juta itu dijangka menawarkan lot niaga lebih 700 unit yang perlu direbut oleh lebih 1,000 peniaga termasuk peniaga Cina dan kaum lain.

"Masih belum ada perbincangan dengan DBKL mengenai jumlah lot niaga yang akan diagihkan kepada persatuan kami."

"Namun kita menuntut lebih ramai penglibatan peniaga bumiputera mendapat lot niaga di Pasar Harian Selayang pada kali ini bagi mengelakkan monopoli pihak tertentu," katanya.

Pelaksanaan tiga projek berkait rapat dengan pembangunan bersepadu Pasar Harian Selayang perlu disiapkan serentak bagi menyelesaikan segala aspek permasalahan di situ seperti kebersihan, kesesakan lalu lintas dan tambahan peniaga asing.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MPS sahan pusat sembelihan ayam miliki lesen operasi sejak 2019
Muka Surat	19

MPS sahan pusat sembelihan ayam miliki lesen operasi sejak 2009 SH 4/11/2019
(Ms 19)



SELAYANG - Pusat penyembelihan ayam di belakang Pangsapuri Taman Selayang Makmur di sini yang didakwa persatuan penduduk beroperasi secara haram adalah tidak benar.

Pegawai Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Ahmad Fauzi Ishak berkata, hasil siasatan penguatkuasa MPS mendapati kilang tersebut mempunyai lesen sejak beroperasi pada 2009.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut di kilang tersebut juga mendapati pemiliknya yang merupakan warga tempatan mematuhi syarat lesen.



"Kawasan dalam kilang dalam keadaan bersih."

"Hasil pemeriksaan mendapati pemilik premis belum pernah gagal memperbaharui lesen perniagaan tahunan.

"Siasatan lanjut di lokasi juga mendapati, premis bersih dengan longkang dalam keadaan memuaskan.

"Malah, pekerja yang dipertanggungjawabkan dalam urusan penyembelihan ayam mempunyai kad tauliah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Bagaimanapun katanya, pihak MPS ambil maklum dengan aduan disampaikan penduduk dan akan melakukan pemantauan secara berterusan.

"Ia bagi memastikan pemiliknya sentiasa mematuhi syarat operasi ditetapkan.

"Tiada sebarang kompaun dan tindakan dikeluarkan dalam pemeriksaan hasil aduan awam baru-baru ini," katanya.

ESOK>> OPERATOR HARAM MONOPOLI PUSAT PENYEMBELIHAN AYAM



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Tukar sampah jadi duit
Muka Surat	30

Tukar sampah jadi duit

Rakyat diminta jayakan Dasar Kebersihan Negara

SH 4/11/2019 (MISC 00)
MELAKA

Dasar Kebersihan Negara perlu bermula dengan rakyat yang bertanggungjawab memastikan kebersihan kawasan sekitar dijaga dengan baik, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Beliau berkata, dasar itu dilancar bagi memastikan semua jenis sampah dan pengurusan pelupusan di negara ini ditrus dengan cara yang baik agar negara ini lebih sejahtera, bersih dan nyaman.

"Dasar Kebersihan Negara ini juga memberi tumpuan kepada program kitar semula yang mana kita hendak penduduk di PPR Tehel ini menjadikan sampah sebagai sumber pendapatan tambahan iaitu *trash to cash*."



Zuraida (tengah) turut mencuba teknik bertukang semasa melawat gerai pameran pada Majlis Pelancaran Dasar Kebersihan Negara di Melaka semalam.

"Ketika ini KPKT mengadakan program *trash to cash* di seluruh negara yang akan dilancarkan di enam tempat termasuk di Melaka bagi membimbing penduduk agar menjadikan sam-

pah kepada duit dan sumber pendapatan," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Dasar Kebersihan Negara sempena Hari Habitat Sedunia 2019 peringkat Malaysia dan Hari

Kitar Semula Kebangsaan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tehel Melaka semalam.

Majlis itu dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari yang turut dihadiri oleh

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Ibnu Raja Ahmad Baharuddin Shah dan Setiausaha KPKT, Datuk Seri Mohammad Mentek.

Sementara itu, pada sidang akhbar, Zuraida berkata, pihaknya tidak mampu menjalankan Dasar Kebersihan Negara secara bersendirian dan ia memerlukan kerjasama daripada rakyat.

"Saya rasa tidak mungkin kita sendiri boleh buat tanpa sokongan daripada rakyat. Sebab itu tadi (semalam) kita baharu lancarkan 'bumbung komuniti' dan persatuan penduduk kawasan ini agar mereka dapat menjadi ejen yang memastikan bahawa kawasan ini dapat dijaga dengan baik," katanya.

Sementara itu, di peringkat kebangsaan pula, pihaknya akan mengadakan kempen lain seperti kempen 'Berani Tegur' dengan memberi galakan kepada rakyat Malaysia menegur sesiapa sahaja individu yang membuang sampah di merata tempat.